# MODUL

# حديث

## PENDIDIKAN ISLAM

## TAHUN 6

# HINDARI RASUAH





Sinar **SEPAHAT** Cemerlang

**We Deliver**

| | |
|---|---|
| Minggu / Tarikh | 2 / 3 Februari 2021 |
| Bidang / Tajuk | 2. Hadis / Membaca dan menghayati hadis Hindari Rasuah |
| Standard Kandungan | 2.1 Membaca Hadis dan terjemahannya<br>2.2 Memahami intipati hadis<br>2.3 Memahami initpati dan pengajaran larangan rasuah<br>2.4 Menganalisi kesan dan sebab berlakunya rasuah<br>2.5 Memahami kebaikan menghindari rasuah<br>2.6 Menginsafi keburukan amalan rasuah dan berusaha menjauhinya. |
| Objektif | 1. Murid dapat membaca, merumus dan menghayati hadis berkaitan larangan rasuah.<br>2. Murid dapat membaca hadis dan terjemahan.<br>3. Murid dapat menghuraikan pengajaran hadfis larangan rasuah.<br>4. Murid dapat menganalisda sebab dan kesan berlaku rasuah<br>5. Murid dapat membincangkan kebaikan menghindari rasuah.<br>6. Murid dapat menginsafi keburukan amalan rasuah dan berusaha menjauhinya dalam kehidupan harian. |
| | |

ARAHAN :

1. MURID DIKEHENDAKI MEMBACA NOTA YANG TELAH DISEDIAKAN OLEH GURU
2. SILA JAWAB SOALAN YANG TELAH DISEDIAKAN MELALUI PAUTAN YANG DISEDIAKAN
3. IBUBAPA SEBAGAI PEMBIMBING DI RUMAH.
4. LATIHAN HENDAKLAH DISIAPKAN SENDIRI OLEH MURID.

# HADIS

عن عبد الله بن عمرو بن العاص
رضي الله عنهما قال :
(لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم
الراشي والمرتشي)

رواه أبو داود والترمذى ].

***Maksudnya:***
***Daripada Abdullah bin Amru telah berkata : Rasulullah SAW melaknat pemberi dan penerima rasuah***



# INTIPATI HADIS

**Rasuah ialah suatu pemberian yang diberikan kepada seseorang untuk membenarkan sesuatu yang salah atau membatalkan sesuatu yang benar**

Contohnya : Seorang pekerja yang telah menghulurkan sejumlah wang kepada majikannya supaya beliau dinaikkan pangkat dengan segera.



# RASUAH

**Rasuahmerupakan perbuatan yang boleh mengakibatkan dosa dan mesti kita jauhi kerana Allah SWT dan Rasulullah SAW melaknat  pemberi dan penerima rasuah.**



# Rasuah: Bekas pegawai bergelar Datuk direman

Oleh YULPISMAN ASLI

...nan 16(a)(A) Akta SPRM 2019.



Terus berlaku dalam organisasi di Malaysia

## Salah laku, rasuah jejas ekonomi

**KUALA LUMPUR** 5 Julai – Pertumbuhan ekonomi negara akan terbantut sekiranya penipuan, salah laku serta rasuah terus berlaku di dalam organisasi-organisasi di Malaysia.

Malah kredibiliti kerajaan yang memerintah akan menjadi lemah disebabkan oleh gejala negatif tersebut.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, kes-kes penipuan yang berlaku dalam sektor swasta mahupun kerajaan sebelum ini, seperti kes Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), telah menjadi ancaman kepada struktur kawal selia, kepercayaan masyarakat dan keyakinan terhadap pasaran ekonomi negara.

"Bukan itu sahaja, perkara tersebut telah menyebabkan timbulnya perasaan bimbang dan syak di kalangan sesetengah pihak berhubung kredibiliti profesion audit.

"Oleh itu, saya amat bersetuju sekiranya langkah-langkah serta kawalan yang efektif terhadap penipuan ini diwujudkan dalam usaha mengurangkan segera kes-kes penipuan dan salah laku organisasi di Malaysia," katanya ketika menyampaikan ucaptama pada majlis pembukaan Seminar Penipuan Korporat 2010 di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis tersebut Presiden Institut Audit Dalaman Malaysia (IIA), Hashim Mohammed dan Gabenornya, Ranjit Singh.

Seminar dua hari bermula hari ini akan menyaksikan pembentangan kertas kerja mengenai penipuan dalam organisasi oleh individu-individu berpengaruh dalam bidang tersebut seperti Pengarah Fraud Preventation & Governance Pty. Ltd. Australia, Jeff Williams dan Pengarah Bersama Sokongan Forensik dan Litigasi, PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn. Bhd., Tang Ai Leen.

Ambrin berkata, fungsi audit dalaman yang efektif dapat membantu sesebuah organisasi mengenalpasti penipuan yang berlaku.

"Walaupun kita sedar bahawa lembaga pengarah dan juga pihak pengurusan merupakan golongan yang bertanggungjawab mencegah berlakunya penipuan dalam organisasi tetapi pada pandangan saya audit dalaman dapat membantu pengurusan dengan menentukan sama ada sesebuah organisasi mempunyai kawalan dalaman yang mencukupi serta menggalakkan kawalan persekitaran yang mencukupi.

"Pengauditan dalaman juga dapat memberi nilai tambah kepada usaha menguruskan risiko penipuan sesebuah organisasi melalui jaminan serta aktiviti-aktiviti perundingan," ujarnya.

Mengulas kes kerugian RM1.63 bilion yang dialami Sime Darby Bhd. (Sime Darby) akibat berlaku lebihan kos daripada projek di Qatar dan juga Empangan Bakun di Sarawak, Ambrin berkata, beliau tidak boleh memberikan apa-apa komen setakat ini dan masih menunggu laporan siasatan forensik yang dijalankan.

"Saya tidak terlibat dengan siasatan tersebut tetapi apa yang saya tahu ia masih dalam proses siasatan forensik.

"Saya juga menunggu laporan siasatan dikeluarkan dan mungkin ia akan mengambil masa dua atau tiga bulan lagi," katanya.

# Sebab Berlaku Rasuah

## 1. IMAN YANG LEMAH

- Tidak takut dengan azab Allah
- Mendahulukan kehendak diri daripada keredhaan Allah.

## 2. KELEMAHAN DIRI

- Gagal mengawal kehendak diri
- Tiada ilmu dan kesedaran tentang dosa dan bahaya rasuah

## 3. BERSIFAT TAMAK KERANA SESUATU

- Mahu segera hidup mewah
- Ingin meraih sesuatu kehendak dengan mudah.



# KESAN RASUAH

1. Menjatuhkan maruah diri.

2. Menimbulkan permusuhan

3. Sifat amanah & tanggungjawab terabai

4. Kestabilan organisasi akan tergugat.

5. Sifat amanah & tanggungjawab terabai

6. Kestabilan organisasi akan tergugat.

Rasuah
membawa padah



# KEBAIKAN MENJAUHI RASUAH

1. Masyarakat hidup bersatu padu

2. Sesuatu organisasi akan stabil

3. Ekonomi, politik dan sosial negara kukuh

4. Jahu dari kemurkaan Allah.



# PENGAJARAN DARIPADA HADIS



**KITA HENDAKLAH MENGHINDARI DARIPADA TERJEBAK DENGAN RASUAH KERANA KESANNYA AMAT PARAH KEPADA DIRI, MASYARAKAT DAN NEGARA**



| نام : | | تاريخ : | |
|---|---|---|---|

**حديث – هيندري رسواه**

ب - A

| | | |
|---|---|---|
| .1 | كلمة 'الراشي' ڤد حديث اين برمقصود ... | |
| | A- | ڤمبري هرتا |
| | B- | اديق براديق |
| | C- | ڤمبري رسواه |
| | D- | ڤغومڤول هرتا |
| .2 | اڤاكه يڠ دمقصودكن رسواه؟ | |
| | A- | ڤوجين |
| | B- | لاتيهن |
| | C- | ڤرماٴينن |
| | D- | سوݢوقن |
| .3 | حديث اين ممباوا مقصود لارڠن ... | |
| | A- | رسواه |
| | B- | برݢادوه |
| | C- | ڤموجاٴن |
| | D- | ڤرجودين |
| .4 | كسن ڤربواتن رسواه ... | |
| | A- | ڤنيندسن |
| | B- | ڤرجواڠن |
| | C- | ڤرڤادوان |
| | D- | ڤرموافقتن |
| .5 | حكوم مڠعملكن ڤربواتن رسواه ... | |
| | A- | هاروس |
| | B- | مكروه |
| | C- | حرام |
| | D- | سنة |
| .6 | سبب برلاكوڽ رسواه. | |
| | A- | ايڠينكن هرتا سچارا چڤت |
| | B- | ممڤراوليهي هرتا سچارا حلال |
| | C- | ممبيذاكن دوسا دان ڤهالا |
| | D- | ميكيركن كسوسهن اورڠ لاٴين |

ب - B

| | |
|---|---|
| .7 | سناraيكن چارا مڠهيندري رسواه. |
| | ا) ________________ |
| | ب) ________________ |
| .8 | بريكن ڤڠاجرن يڠ ترداڤت دالم حديث اين. |
| | ا) ________________ |
| | ب) ________________ |
| .9 | ڤاتاكن كسن رسواه ترهادڤ اينديۏيدو |
| | ا) ________________ |
| .10 | باݢايماناكه چارا مڠهيندري رسواه؟ |
| | |